4.

# Perpensis sokong Sha'ari mengenai gambar2 luchah

30 JUL 1970

SINGAPURA, Rabu. — Yang di-Pertua Persatuan Penchak Silat Singapura (Perpensis), T uan Ustadz Mohammad Taha Suhaimi telah menyokong amaran Enche Sha'ari Tadin kapada penerbit2 majallah yang menyiarkan gambar2 luchah.

Beliau juga menyokong kechaman Imam Besar Masjid Negara, Haji Salleh Hassan Farid ka-atas filem2 Melayu yang mengadakan "babak2 berahi" dalam filem Melayu.

## Saranan

Ustadz Taha sendiri telah menyarankan supaya pehak yang ber-kenaan mengambil perhatian kapada ranchangan2 yang berunsor sex dalam siaran2 talivishen.

Iklan2 kelab malam dan wayang2 gambar yang mempaparkan gambar2 saperti itu juga harus di-kurangkan.

Orang2 perempuan dari semua bangsa yang memakai pakaian mendedahkan sa-bahagian besar tuboh-nya di-khalayak ramai harus di-tegor.

"Unsor2 saperti ini," kata beliau, "mengakibatkan berlaku-nya kejadian rogol. Orang lelaki yang di-tudoh merogol di-kenakan hukuman hingga 12 tahun, sementara orang2 perempuan yang menyebabkan kejadian itu, bebas dari tudohan."

## Di-lantek

Sementara itu dalam meshuarat agong kali kedua Perpensis pada 18 Julai lepas, Ustadz Taha telah di-lantek sa-bagai Yang Di-Pertua dan Enche Zainal Haron, penolong-nya. Setia-usaha-nya, Enche S. Mustafa S.A. Rahman di-bantu oleh Enche Buang Ibrahim.

Enche Omar Ahmad Assulaimi di-lantek sa-bagai Bendahari dengan Enche Md. Kamal Hussein sa-bagai membantu-nya. Dua orang Pegawai Penerangan dan sa-puloh orang Ahli2 Jawatan-kuasa juga telah di-lantek.

# 'SENI SILAT KEPUNYAAN KITA SEJAK BERZAMAN2'

17 AUG 1970

KELANG, Ahad — Menteri Penerangan dan Penyiaran, Dato Hamzah bin Dato Abu Samah, juga ingin menyertai kursus2 silat seni gayong.

"Malang-nya kerana sebok dengan urusan2 lain tidak-lah dapat saya meminta menjadi ahli Pertubohan Silat Seni Gayong itu," kata-nya.

Dato Hamzah berkata demikian di-upachara merasmikan gelanggang Silat Seni Gayong dan Penyampaian Bengkong di-Kolej Islam di-sini petang se-malam.

Sa-belum itu beliau menyeru ra'ayat supaya menolong menambah lagi peluang untok berdamping antara satu sama lain.

Ini, kata-nya, perlu sa-kali jika hendak menghapuskan sa-barang ke-runsingan, shak wasangka antara satu sama lain.

Beliau menyebut bahawa seni silat ia-lah "kepunyaan kita sendiri yang di-turunkan dari zaman ka-zaman."

Kata-nya: "Perlu-lah kita anggap sa-bagai suatu pesaka yang mesti kita hargai, kita asohi dan kalau boleh perbaiki mengikut peredaran masa sa-perti yang di-buat oleh negara2 lain terhadap kesenian2 sa-macham itu."

● Gambar menunjokkan Dato Hamzah sedang menyampaikan Bengkong Puteh kapada Mustafa bin Abdul Rahman, sa-orang pelajar Kolej Islam yang lulus ujian silat.

# PERPENSIS TERBIT MAJALLAH SENDIRI

29 AUG 1970

SINGAPURA, Juma'at. — Perpensis, sa-buah Persatuan Penchak Silat Singapura, dengan ang-gota sa-ramai lebeh 5,000 orang telah menerbitkan majallah sendiri bernama Suara Perpensis.

Dalam renchana Pengarang-nya, Ustaz Taha Suhaimi, pemimpin persatuan itu berharap majallah itu akan dapat memberikan gambaran2 yang benar di-sekitar kegiatan2 Perpensis yang sering di-salah artikan oleh sa-tengah2 pehak.

Kata-nya, "sa-tengah2 pehak telah mensifatkan sa-tengah2 kegiatan ahli2 persatuan itu sa-bagai ber-tentangan dengan ajaran Islam. Anggapan saperti ini ada-lah akibat salah-faham terhadap apa yang sa-benar berlaku di-dalam persatuan itu."

Satu dari matlamat Suara Perpensis, kata-nya lagi, ia-lah untok me-nyatakan dan mengelak-kan salahfaham di-kalangan umat Islam di-Singapura.

Suara Perpensis mengandongi 14 muka dan mengisi berbagai aspek pengajaran Islam. Harga-nya 20 sa-naskah.